



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat am berkaitan Sewa Beli sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Dapatkan bantuan RHB Bank Berhad sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma yang digunakan).

RHB BANK BERHAD (6171-M) Diperbadankan di Malaysia

SEWA-BELI

Tarikh : _____
[Untuk diisi oleh Pegawai Bank]

1. Apakah produk ini?

Sewa Beli adalah kemudahan pembiayaan ("Kemudahan") yang membolehkan pelanggan membeli kenderaan bermotor melalui bayaran ansuran bulanan. Kemudahan ini dikawal di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan faedah dikira pada kadar rata. Di bawah perjanjian sewa-beli ("Perjanjian Sewa Beli"), pelanggan (Penyewa) hanya menyewa barangan dari Bank, dan Penyewa memperoleh hakmilik ke atas barangan tersebut setelah penyelesaian keseluruhan Perjanjian Sewa Beli. Ini bermakna bahawa walaupun pelanggan mempunyai pemilikan ke atas barangan tersebut, hakmilik adalah dibawah nama Bank sehingga penyelesaian keseluruhan Perjanjian Sewa Beli oleh Penyewa. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran ansuran bulanan dan/atau terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat-syarat Perjanjian Sewa Beli, Bank berhak untuk melaksanakan hak mengambil semula barangan tersebut termasuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggan untuk mengurangkan kerugian Bank.

2. Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

Nilai Kenderaan : RM _____
 Margin pembiayaan : _____ %
 Jumlah amaun dipinjam : RM _____
 Kadar faedah : _____ % sama rata
 Kadar hasil berkesan : _____ % setahun.
 Tempoh : _____ tahun

3. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan : _____ ansuran bulanan, pada RM _____ sebulan
 Ansuran terakhir : RM _____
 Jumlah amaun yang mesti dibayar balik, termasuk amaun yang dipinjam ialah : RM _____

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Butiran	Jumlah Fi dan Bayaran
Perjanjian Sewa Beli	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
Perjanjian Tambahan Sewa Beli	RM 20.00 untuk dokumentasi dan duti setem bagi setiap perjanjian
Perjanjian Variasi (Perubahan) Sewa Beli (atas permintaan)	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
Bayaran Pos	<ul style="list-style-type: none"> • RM 3.50 untuk akaun tanpa penjamin • RM 7.00 untuk akaun dengan satu (1) penjamin • RM 10.50 untuk akaun dengan dua (2) orang penjamin
Pembaharuan Cukai Jalan	RM 10.00 bagi setiap transaksi
Penyata penebusan (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
Pembebasan dan Pelepasan Surat oleh pihak ketiga (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
Caj Rujukan Data FIS	RM 4.20 bagi setiap transaksi
Permintaan untuk mendapatkan semula dan salinan dokumen	RM 22.00 bagi setiap permohonan
<ul style="list-style-type: none"> • Penyata Sewa Beli Tambahan • Pengeluaran surat persetujuan untuk pemindahan kenderaan 	

dari Sabah, Sarawak dan Labuan ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya	
<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran surat akaun janji untuk insurans / tuntutan takaful • Pengesahan Audit bagi setiap akaun • Salinan dokumen Sewa Beli 	
Salinan Perjanjian Sewa Beli	RM 25.00 bagi setiap permohonan

Nota 1: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis tentang sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan Kemudahan ini sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan perubahan tersebut.

Nota 2: Anda juga bertanggungjawab untuk membayar semua fi professional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), perbelanjaan luar jangka yang ditanggung (iaitu bayaran yang dibuat oleh pihak Bank dan perlu dibayar balik oleh anda) dan fi, perbelanjaan atau bantuan lain yang berkenaan dengan Kemudahan ini.

5. Apakah akibat sekiranya saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- Penalti pembayaran lewat ialah sebanyak 8% setahun ke atas jumlah yang tertunggak.
- Pengambilan Semula kenderaan bermotor (sila rujuk Kod Etika Pengambilan Semula).
- Sila rujuk kepada ilustrasi mengenai pengeluaran peringatan dan notis.
- Sekiranya Penyewa meninggal dunia dalam tempoh Kemudahan, Seksyen 16 (1c) Akta Sewa Beli (1967) akan terpakai. Seksyen 16 (1c) Akta Sewa Beli (1967) memperuntukkan bahawa sekiranya penyewa meninggal dunia, pemilik tidak boleh melaksanakan hak untuk mengambil semula barangan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Sewa Beli, disebabkan pelanggaran Perjanjian Sewa Beli yang berkaitan dengan pembayaran ansuran, kecuali terdapat empat (4) kegagalan pembayaran ansuran secara berturut-turut. Oleh itu, adalah penting bagi keluarga si mati untuk memaklumkan RHB Bank Berhad tentang kematian tersebut dengan secepat mungkin.

6. Insurans kenderaan bermotor?

Insurans kenderaan bermotor adalah wajib. Anda digalakkan menggunakan perkhidmatan RHB Insurance Berhad. Walaubagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan insurans dari syarikat insurans/ operator takaful yang lain.

7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tarikh matang?

Tiada tempoh penguncian dan pelanggan boleh melakukan penyelesaian awal Kemudahan pada bila-bila masa.

8. Apakah risiko-risiko utama yang terlibat?

Kadar faedah untuk Kemudahan adalah tetap dan tidak akan berubah sepanjang tempoh Kemudahan.

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembayaran anda di bawah Kemudahan, sila hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

9. Adakah saya memerlukan penjamin?

Sama ada penjamin diperlukan bergantung kepada merit setiap permohonan. Sekiranya penjamin diperlukan, penjamin tersebut akan dimaklumkan mengenai hak dan tanggungjawabnya.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan kepada butiran perhubungan anda bagi memastikan urusan surat-menyurat berjalan dengan lancar dalam masa yang ditetapkan.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- a) Sekiranya anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- b) Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (OFS) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan), sebuah organisasi bukan untung yang berfungsi sebagai saluran penyelesaian pertikaian alternatif untuk menyelesaikan pertikaian antara ahli OFS (iaitu organisasi kewangan, pembekal perkhidmatan yang dilesenkan atau diluluskan oleh BNM) dan pengguna kewangan. Anda boleh menghubungi OFS di:
- Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Email: enquiry@ofs.org.my
Web: <https://www.ofs.org.my>**
- c) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, pendidikan kewangan, kaunseling kredit dan

penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Level 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my**

- d) Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

**Customer Advocacy, Group Customer Experience
and Channel Management,
RHB Bank Berhad,
Level 2, Tower 2,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Email: customer.advocacy@rhbgroup.com
Web: <http://www.rhbgroup.com>**

- e) Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

**Pusat Perhubungan Pelanggan (BNMTELELINK),
Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922,
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Faks: 03-2174 1515
Borang web: <https://telelink.bnm.gov.my>**

12. Pakej Sewa Beli lain yang disediakan?

Sewa Beli-i (Kadar Tetap) dan Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) - AITAB.

NOTIS PENTING:

PENGAMBILAN SEMULA MILIK DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA DAN PENJAMIN ANDA (SEKIRANYA ADA) JIKA PEMBAYARAN BALIK SEWA BELI ANDA TIDAK DIKEMAS KINI.
Ilustrasi pengeluaran peringatan dan notis

Semua peringatan dan notis akan dikeluarkan berdasarkan ilustrasi di bawah ini:
Tarikh Ansuran Perlu Dibayar: 11 Mei

Peringatan/ Notis	Hari/Bulan selepas Tarikh Ansuran Perlu Dibayar	Tarikh Kalendar
Peringatan	10 hari	21 Mei
Notis Niat untuk Pengambilan Semula Milik (NITR)	2 bulan	12 Jun
Notis 7 Hari	7 hari sebelum tarikh tamat tempoh NITR	26 Jun
Arahan Pengambilan Semula Milik	Pada tarikh tamat tempoh NITR atau Notis 7 Hari	3 Julai

TATAETIKA PENGAMBILAN SEMULA MILIK

- Seboleh-bolehnya, jumlah ejen penarik kenderaan yang dibenarkan hendaklah diminimalkan melainkan keadaan memerlukan bantuan tambahan.
- Ejen penarik kenderaan hanya boleh memasuki premis dengan pengetahuan dan kebenaran penghuni.
- Ejen penarik kenderaan hendaklah berpakaian kemas dan mengamalkan sikap profesional dalam menjalankan tugas mereka.
- Penggunaan sebarang taktik kekerasan dan ancaman dalam apa jua bentuk adalah dilarang sama sekali semasa menjalankan tugas mereka.
- Semasa mengambil semula kenderaan, ejen penarik kenderaan harus mengemukakan notis standard kepada pelanggan dan memaklumkan perkara berikut:
 - Alamat dan nombor telefon syarikat kewangan dan pegawai yang diberi kuasa yang boleh dihubungnya segera untuk menyelesaikan apa-apa masalah.
 - Ejen penarik kenderaan mesti memberikan tempoh masa yang wajar kepada pelanggan untuk memeriksa kenderaan dan mengeluarkan barangan peribadinya.
- Seboleh-bolehnya, pengambilan semula kenderaan hendaklah dilakukan dengan kehadiran pelanggan atau sesiapa yang telah dibenarkan menggunakan kenderaan tersebut.
- Ejen penarik kenderaan hendaklah bertindak mengikut undang-undang dan peraturan pada setiap masa dalam melaksanakan tugas mereka.
- Semua ejen penarik kenderaan hendaklah diberikan salinan dan taklimat tentang Kod Etika Pengambilan Semula Milik dan mematuhi. Mereka juga hendaklah mematuhi apa-apa Kod Etika lain yang diperkenalkan dari semasa ke semasa oleh Persatuan Syarikat Sewa Beli Malaysia, Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Bagi mengelakkan keraguan, Saya/Kami hendaklah membayar semua fi profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi, perbelanjaan atau tindakan wajar lain berkenaan dengan Kemudahan ini.

Saya / Kami mengesahkan telah menerangkan Lembaran Maklumat Produk kepada Pelanggan.

Saya / Kami mengesahkan telah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan.

.....
Nama Pekerja :
ID Pekerja :
Tarikh :

.....
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada September 30, 2022